

12 AUG 2002

Mahathir-Timor/I

PERDAGANGAN DAN PELABURAN ANTARA M'SIA DAN TIMOR LESTE BERPONTENSI

PUTRAJAYA, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin hubungan ekonomi dengan Timor Leste yang dahulunya dikenali sebagai Timor Timur akan lebih berkembang.

Katanya, walaupun hubungan ekonomi antara kedua-dua buah negara sekarang tidak memberangsangkan, terdapat potensi dalam bidang perdagangan dan pelaburan yang boleh diterokai.

Beliau berkata kini terdapat 90 ahli perniagaan Malaysia yang terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi seperti perunding perakaunan, hotel dan restoran serta perniagaan am di Timor Leste.

"Saya yakin tahap kerjasama seperti ini akan dapat diperluaskan lagi," katanya semasa berucap pada majlis makan malam bagi meraikan Perdana Menteri Timor Leste Dr Mari Bim Amude Alkatiri di Seri Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus menggalakkan sektor swastanya supaya terus meninjau peluang pelaburan di Timor Leste bagi kepentingan kedua-dua buah negara seperti dalam bidang carigali minyak dan gas, pembangunan prasarana, perbankan, insurans dan pertanian.

"Adalah diharapkan Timor Leste akan memberi kemudahan dan membantu usahawan Malaysia," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir turut memberi jaminan kepada Timor Leste mengenai komitmen Malaysia untuk mengeratkan hubungan demi kepentingan bersama.

"Kami akan mengekalkan kerjasama bagi membantu usaha pembangunan anda berdasarkan kemampuan dan keupayaan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP)," katanya.

Beliau berkata Malaysia akan terus melatih pasukan polis dan tentera republik baru yang mempunyai penduduk seramai kira-kira 800,000 orang itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia adalah antara negara pertama yang membuka Pejabat Perhubungan di Dili dalam usaha memupuk dan meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan Timor Leste.

Dr Alkatiri, yang mengetuai delegasi 27 anggota termasuk 17 ahli perniagaan tiba di sini semalam untuk lawatan lima hari.

-- BERNAMA

AZH ZS MOZ